

PM tampil perkataan, istilah jarang diguna

Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan sekurang-kurangnya lapan istilah, perkataan yang jarang didengar dan digunakan dalam pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat semalam.

Marcapada dan arakian antara perkataan disebut Perdana Menteri, sekali gus menarik perhatian sidang dewan.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), marcapada bermaksud dunia masa kini, manakala arakian bermak-

sud maka atau sesudah itu.

Selain itu, beliau turut menggunakan perkataan takul yang bermaksud membuat pertimbangan atau penilaian, manakala perkataan intiha antara perkataan menarik disebut Anwar yang membawa maksud penutup atau penghabisan.

Mahsul, kesenjangan, sementelahan dan walhasil juga menjadi perkataan menarik yang jarang digunakan secara formal, namun disebut

Perdana Menteri.

Berdasarkan DPB, **mahsul** membawa maksud hasil atau pendapatan, **kesenjangan** pula bermaksud ketidakseimbangan, manakala **sementelahan** bermaksud tambahan pula dan **walhasil** bermaksud kesimpulannya.

Anwar turut mengulangi tiga lagi istilah yang pernah digunakan pada belanjawan sebelum ini seperti **ketimbang**, **mahakaya** dan **kendatipun**.

Ketimbang memberi maksud berbanding, manakala **mahakaya** bermaksud maha kuasa dan **kendatipun** pula bermaksud meskipun menjadi antara satu perkataan unik disebut Perdana Menteri.

Penggunaan perkataan luar kebiasaan itu sejak sekian lama menjadi identiti Anwar yang juga berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Melayu pengkhususan Sastera di Universiti Malaya (UM).